

26/11/1999

Keadilan dakwa BN edar pita video Anwar

PETALING JAYA, Khamis - Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mendakwa Barisan Nasional (BN) mengedarkan pita video lucah membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin Pas, Mohamad Sabu di beberapa kawasan, bagi mempengaruhi pengundi menjelang pengundian Isnin ini.

Timbalan Presidennya, Dr Chandra Muzaffar, berkata pengedaran pita video bertajuk "Siapa Anwar?" dan "Skandal Sex Mat Sabu" itu adalah taktik jahat BN untuk menunjukkan Anwar dan Mohamad Sabu bersalah terhadap pelakuan seksual keji.

Katanya, Keadilan dan rakan lain dalam barisan alternatif iaitu Pas, DAP dan PRM bimbang BN menggunakan banyak lagi taktik kotor.

"Perbuatan jahat itu membuktikan `janji' Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pilihan raya kali ini adalah terkotor dalam sejarah negara, benar," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Chandra berkata, walaupun pita video terbabit tidak menunjukkan sebarang rakam pelakuan seks, ia mengandungi banyak perucapan lucah.

Selain itu, katanya, pita video itu juga mengandungi rakaman telefon yang kononnya di antara kedua-dua pemimpin itu dengan isteri orang serta rakaman video pengakuan tiga lelaki yang dikaitkan dengan kes liwat Anwar.

"Kami menolak kandungan pita video itu kerana semua pengakuan yang diperolehi secara paksa sudah ditolak menerusi afidavit ketiga-tiga lelaki terbabit, iaitu Sukma Darmawan, Mior Abdul Razak Yahya dan Dr Munawar Ahmad Aness," katanya.

Beliau berkata, Ketua Keadilan Bandar Tun Razak, Mohd Zainuddin Amran, dan ketua bahagian Cheras, Onn Abu Bakar, masing-masing membuat laporan polis berasingan .

(END)